

PERSIDANGAN HARI HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA 2005

Dr. M kecam sikap segelintir NGO halang beliau bersuara

KUALA LUMPUR 9 Sept. - Tun Dr. Mahathir Mohamad hari mengecam sikap sesetengah pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang enggan mengiktiraf hak seseorang untuk menyuarakan pandangan mereka.

Menurut bekas Perdana Menteri, sikap sesetengah NGO yang menghalang beliau menghadiri Hari Hak Asasi Manusia Malaysia anjuran Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (Suhakam) jelas menunjukkan mereka cuba menghalang hak beliau untuk menyuarakan pandangan.

Menurutnya, kerajaan mengamalkan dasar kebe-

basan bersuara kepada semua termasuk mempunyai stesen televisyen dan menerbitkan akhbar.

"NGO terbabit menghalang saya menghadiri persidangan ini, kerana mereka berpendapat saya tidak layak.

"Apa hak mereka untuk menghalang saya hadir dan membuat penilaian terhadap saya.

"Saya mempunyai hubungan baik dengan banyak NGO, tetapi dalam masa yang sama banyak NGO terutama yang mendapat pembiayaan asing juga

benci saya," katanya kepada pemberita selepas menyampaikan ucapan pada persidangan sehari itu.

Menurut Dr. Mahathir, NGO berkenaan pasti akan menggunakan kuasa menghalang kebebasan bersuara di negara ini sekiranya mereka menjadi kerajaan.

Beliau juga menolak cadangan supaya Suhakam diberi kuasa yang membolehkannya boleh melaksanakan penguatkuasaan.

"Hanya kerajaan sahaja boleh mempunyai kuasa untuk menguatkuasakan undang-undang," katanya.